





Nota : Ringkasan Sijil ini adalah untuk maklumat sahaja dan tertakluk kepada peruntukan, pengecualian dan had yang tercatat di dalam Kontrak Sijil Induk yang disimpan oleh Penerima Pemberian. Sekiranya terdapat perbezaan fahaman dan terjemahan di dalam Ringkasan Sijil ini, adalah dipersetujui bahawa maksud sebenarnya di dalam Bahasa Inggeris akan digunakan dan adalah muktamad.

Note : This Certificate Summary is for information only and subject to all the provisions, exceptions and limitations in the Master Certificate Contract kept by the Grantee. In the event of differences arising under this summary, it is hereby noted and agreed that the English version, which is the basis of the Certificate, shall be absolute and binding.

## **RINGKASAN SIJIL/CERTIFICATE SUMMARY**

### Peruntukan Sijil

Peserta akan diberi perlindungan untuk Kematian dan Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) bagi Jumlah Perlindungan yang tercatat di dalam Jadual Perlindungan Menyusut, 24 jam dan di seluruh dunia, tertakluk kepada syarat-syarat yang tercatat di dalam Sijil Kontrak Induk yang disimpan oleh Penerima Pemberian.

### Sumbangan

Seperti yang dipersetujui di dalam Aqad yang ditandatangani oleh Peserta di dalam borang cadangan, Takaful Ikhlas Sdn Bhd ("pihak Syarikat") dilantik menjadi wakil untuk mengurus dan melabur sumbangan yang dibuat oleh Peserta berdasarkan Prinsip Al-Wakalah sebagaimana yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat. Semua sumbangan akan dimasukkan ke dalam Akaun Pelaburan Berisiko Peribadi (PRIA) di mana kemudian, sebahagian daripadanya dimasukkan ke dalam Dana Risiko dan Dana Khas setiap bulan sebagai tabarru' (derma) untuk membantu Peserta lain yang ditimpa musibah. Baki selebihnya akan dilaburkan oleh pihak Syarikat dan keuntungan daripada pelaburan, akan dipulangkan balik kepada Peserta selepas menolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 10% daripada keuntungan pelaburan tersebut, jika ada. Adalah dipersetujui juga bahawa pihak Syarikat akan mengenakan Bayaran Pengurusan Lebihan(SAC) sebanyak 10% daripada lebihan Dana Risiko setiap bulan, jika ada. Lebihan bersih (setelah ditolak SAC) akan diperuntuk dan diagihkan di antara Peserta (melalui PRIA) dan Dana Pengstabilan. Nisbah peruntukan ialah 50:50 atau lebih baik, memihak kepada Peserta. Dana Pengstabilan merujuk kepada jumlah yang diambil daripada keuntungan peserta bagi mengekalkan sesuatu tahap pulangan kepada peserta.

### Manfaat

- 1) Sekiranya berlaku kematian, Jumlah Perlindungan Menyusut akan dibayar kepada Penerima Pemberian. Selain daripada itu, perbelanjaan pengkebumian, sebanyak yang dinyatakan di dalam Jadual Maklumat Sijil dan jumlah yang terdapat di dalam PRIA, jika ada, akan dibayar kepada waris terdekat Peserta.
- 2) Sekiranya berlaku TPD yang menghalang Peserta daripada melakukan pekerjaan, perniagaan, kerjaya atau profession sama ataupun yang serupa yang dilakukan untuk mendapatkan gaji, faedah atau keuntungan atau pekerjaan-pekerjaan, pihak Syarikat akan membayar manfaat Pra-TPD kepada Peserta semasa "Tempoh Eliminasi" tertakluk kepada syarat-syarat berikut:- i) TPD telah ditetapkan oleh panel doktor yang diluluskan oleh pihak Syarikat; ii) manfaat Pra-TPD adalah seperti yang tertera di dalam Jadual Maklumat Sijil; dan iii) manfaat Pra-TPD akan hanya dibayar sekiranya TPD ditetapkan selepas Tempoh Interim seperti yang tertera di dalam Jadual Maklumat Sijil; dan iv) manfaat Pra-TPD belum pernah dibayar sebelumnya. Selepas Tempoh Eliminasi dan sekiranya TPD telah disahkan, Jumlah Perlindungan Menyusut akan dibayar kepada Penerima Pemberian, tertakluk kepada had maksimum RM1.5 juta. Selain daripada itu, jumlah yang terdapat di dalam PRIA, jika ada, akan dibayar kepada Peserta. "Tempoh Eliminasi" ditakrif sebagai 6 bulan daripada tarikh TPD ditetapkan oleh panel doktor.
- 3) Sekiranya Peserta masih hidup pada penghujung tempoh perlindungan, Peserta akan menerima jumlah yang terdapat di dalam PRIA, jika ada.

### Pengecualian

Sijil ini tidak akan memberi perlindungan ke atas sebarang kematian akibat bunuh diri, AIDS atau penyakit yang disebarkan secara seksual. Sijil ini juga tidak akan memberi perlindungan ke atas TPD yang disebabkan secara langsung atau tidak, sebahagian atau keseluruhan dari mana-mana kejadian berikut:- i) memusnahkan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya, ramada siuman atau tidak; atau ii) semasa di bawah pengaruh alkohol atau dadah; atau iii) AIDS atau penyakit yang disebarkan secara seksual; atau iv) mogok, rusuhan, ketidaktenteram awam, rampasan kuasa, peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan; atau v) menggunakan, membawa, mengendalikan atau mengelolakan sebarang alat penerbangan kecuali sebagai penumpang biasa di dalam kapal terbang yang dikelolakan oleh syarikat penerbangan komersial mengikut jadual dan perjalanan biasa yang ditetapkan oleh syarikat penerbangan tersebut; atau vi) aktiviti keganasan.

### Serahan

Sekiranya perlindungan ditamatkan lebih awal daripada Tarikh Tamat, pihak Syarikat akan memulangkan jumlah yang terdapat di dalam PRIA termasuk lebihan, sekiranya ada, tolak segala perbelanjaan berkaitan.

### Notis Tuntutan

Bukti tuntutan hendaklah diserahkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian atau tarikh TPD ditetapkan.

### Certificate Provisions

*The Participant shall be covered for Death and Total Permanent Disability (TPD) for the Sum Covered specified in the Table of Reducing Sum Covered, 24 hours, worldwide, subject to the terms and conditions stated in the Master Certificate Contract, kept by the Grantee.*

### Contribution

*As agreed in the Declaration signed by the Participant in the proposal form, Takaful Ikhlas Sdn Bhd ("the Company") is appointed as an agent to manage and invest contributions made by the Participant in accordance to the principle of Al-Wakalah as defined by the Company. All contributions shall go to the Personal Risk Investment Account (PRIA) of which a portion shall be allocated monthly as tabarru' (donation) into the Risk Fund and Special Fund and be used to help other participants in time of misfortune. The remainder of the contribution in the PRIA shall be invested by the Company and the profit out of this investment, if any, shall be returned to the Participant after deducting an investment performance fee of 10% from the profit. It is also agreed that the Company shall charge a Surplus Administration Charge(SAC) of 10% of the gross surplus arising every month from the Risk Fund. The net surplus (after the SAC) shall be provisionally apportioned between the participant (through PRIA) and the Stabilisation Fund. The ratio of apportionment is 50:50 or better in favour of the Participant. Stabilisation Fund refers to the amount appropriated out of profits attributable to Participants in order to maintain a certain level of returns to Participants.*

### Benefit

- 1) *Upon death, the Reduced Sum Covered shall be payable to the Grantee. In addition, the funeral expenses benefit, for the amount specified in the Certificate Information Table, plus current amount in the PRIA, if any, shall be payable to the next-of-kin of the Participant.*
- 2) *Upon TPD preventing the Participant from engaging in his own or similar work, business, occupation or profession for wages, compensation or profit, a Pre-TPD benefit shall be payable to the Participant during the Elimination Period subject to the following conditions:- i) the TPD is confirmed by panel Physician as approved by THE COMPANY; ii) the Pre-TPD benefit is as stated in the Certificate Information Schedule; and iii) the Pre-TPD benefit shall only be payable for TPD confirmed after the Deferment Period as stated in the Certificate Information Schedule; and iv) the Pre-TPD benefit has not been paid before. After the Elimination Period and subject to certification of TPD, the Reduced Sum Covered shall be payable to the Grantee subject to a maximum limit of RM1.5 million. In addition, the current amount in the PRIA, if any, shall also be payable to the Participant. "Elimination Period" is defined as the first 6 months from the date TPD is confirmed by panel Physician.*
- 3) *Upon survival of the Participant at the end of the term, the Participant shall receive the current amount in the PRIA, if any.*

### Exclusions

*The Certificate does not cover any death caused by or resulting from suicide, AIDS or sexually transmitted diseases. This Certificate also does not cover any TPD caused directly or indirectly, wholly or partly by any of the following occurrences i) self-destruction or any attempt thereof while sane or insane; or ii) influence of alcohol or drugs; iii) AIDS or other sexually transmitted diseases; or iv) strike, riot, civil commotion, rebellion, declared or undeclared war; v) entering, operating or servicing, ascending or descending from or with any aerial device or conveyance except if the Participant is in an aircraft operated by a commercial passenger airline on a regular schedule passenger trip over its established passenger route; or vi) terrorism.*

### Surrenders

*Upon early termination of coverage, the Company shall return the amount in the PRIA inclusive of surplus, if any, less any related expenses.*

### Claims Notification

*Satisfactory proof of claims must be furnished to the Company within 30 days after the date of death or TPD confirmation.*